

11 FEB 1998

Hassan-Umno

ABU HASSAN DIMINTA CAMPUR TANGAN ELAK PERTANDINGAN

SHAH ALAM, 11 Feb (Bernama) -- Beberapa bahagian Umno di Selangor telah merujuk kepada Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar meminta beliau menyelesaikan masalah berhubung pertandingan.

Abu Hassan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata beliau akan melawat setiap bahagian terbabit dan berusaha menyelesaikan sebarang pertikaian bagi mengelak pertandingan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau enggan menamakan nama bahagian-bahagian terbabit tetapi berkata ada "dua atau tiga bahagian" sudah menemuinya dan memintanya menyelesaikan perkara itu.

"Baru-baru ini saya sudah selesaikan masalah Bahagian Kapar apabila Ketua Umno bahagian itu, Datuk Onn Ismail dikatakan akan dicabar oleh timbalannya Datuk Abdul Rahman Palil," katanya dalam sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Abu Hassan berkata sebarang tindakan yang akan diambil terhadap anggota parti yang masih ingkar terhadap nasihat Dr Mahathir itu tertakluk kepada ketetapan Majlis Tertinggi.

Mengenai mesyuarat exco itu, beliau berkata ia membincangkan isu penjualan tanah rizab Melayu kepada orang bukan Melayu ataupun warga asing.

Katanya beliau telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan untuk mengeluarkan notis kepada pemilik tanah berkenaan untuk membetulkan keadaan, dan jika pemilik itu masih ingkar dan tidak dapat mematuhi notis tersebut selepas tiga bulan, kerajaan negeri boleh merampas kembali tanah itu.

Abu Hassan berkata kegiatan itu dikesan berleluasa sekitar Hulu Langat, Kuala Langat dan Gombak.

Mesyuarat itu juga bersetuju agar peruntukan pembangunan Selangor untuk tahun ini dipotong sebanyak 10.1 peratus, daripada RM408.3 juta kepada RM366.9 juta. -- BERNAMA

AZH MAI